

17 APR 1999

Abdullah-Perusuh

RUSUHAN BUKAN CARA BAWA PERUBAHAN, KATA ABDULLAH

MUADZAM SHAH, 17 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau dukacita dengan kejadian rusuhan di ibu negara dan tindakan sedemikian bukan caranya untuk membawa perubahan.

Beliau menyelar golongan terbabit dalam rusuhan itu yang lari bersembunyi dalam kedai apabila berdepan dengan polis dan tindakan mereka itu turut mengganggu perniagaan pekedai.

"Kalau hendak tukar kerajaan, pilihan raya boleh digunakan dan kerajaan tidak pernah mungkir janji sekiranya perubahan yang diinginkan itu dibuat dengan cara itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Rompin, di sini.

Beliau diminta mengulas tentang tindakan segelintir penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak Rabu lepas yang bertindak liar dalam beberapa kejadian di Kuala Lumpur setelah Anwar dijatuhi hukuman enam tahun penjara oleh Mahkamah Tinggi.

Beliau berkata kumpulan itu bertindak liar kerana tidak percaya dengan keputusan yang dibuat oleh mahkamah dan menunjukkan kemarahan mereka dengan melakukan rusuhan.

"Di tempat lain, orang yang didapati bersalah dijatuhkan hukuman tetapi di negara kita ada pula kumpulan menentang dan berkata keputusan itu tidak betul," kata beliau.

Abdullah berkata sekiranya undang-undang perlu diubah, ianya akan dilakukan di Parlimen yang dari semasa ke semasa banyak mewujudkan atau meminda undang-undang yang perlu.

Beliau meminta golongan terbabit dalam rusuhan itu supaya mengutamakan cara yang baik dalam sebarang tindakan mereka supaya tidak mengganggu rakyat Malaysia yang lain untuk mencari rezeki atau menjalankan tugas seharian.

"Saya harap rakyat Malaysia yang majoritinya sukakan keamanan, cintakan keselamatan dan tidak mahu kerja harian mencari rezeki diganggu patut menyuarakan pendirian mereka supaya perkara itu tidak dibiarkan begitu sahaja," katanya.

Mengenai kenyataan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail bahawa Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak merestui sebarang tindakan merusuh oleh anggota-anggotanya, Abdullah berkata ada di antara perusuh itu membawa bendera Adil semasa melakukan tindakan merusuh itu.

Semasa berucap, Abdullah membidas golongan yang menyebarkan khabar angin mengenai kesihatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berkata golongan berkenaan biadab.

Khabar angin yang tidak benar dan menyakitkan hati itu sengaja direka untuk memburuk-burukkan Dr Mahathir, katanya.

Menurut beliau lagi, Dr Mahathir kini semakin sihat dan ini dibuktikan dengan Perdana Menteri sendiri memandu kereta untuk bersiar-siar di sekitar Kuala Lumpur semalam.

Beliau turut menyangkal dakwaan kononnya Dr Mahathir kini telah nyanyuk dan tidak lagi mampu untuk mentadbir negara.

"Saya kerja bersama beliau dan tahu Perdana Menteri masih kuat ingatan dan mampu berfikir serta bekerja kuat lebih daripada orang muda," katanya.

Beliau meminta rakyat Malaysia supaya bersyukur kerana dirahmati Allah dengan pemimpin yang mampu membawa negara ke mercu kejayaan, sehingga setanding dengan negara lain dalam banyak hal.

-- BERNAMA

SHS PR